



KENYATAAN AKHBAR

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ingin merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan di dalam Facebook oleh Datuk Seri Najib Razak berkaitan harga telur.
2. Untuk makluman umum, harga telur di peringkat ladang bergantung kepada kos input iaitu makanan ayam, gaji pekerja, kos ubatan dan lain-lain. Walaubagaimanapun, kos ini boleh dan akan berubah jika ada kejadian penyakit dan bencana lain seperti kemarau, jerebu dan banjir.
3. Ini bermakna harga boleh turun dan naik bergantung pada keadaan dan masa. Contohnya, 70% kos operasi bergantung pada makanan ayam. Makanan ayam diimport dan harganya bergantung pada kadar pertukaran wang yang juga turun dan naik.
4. Memandangkan Datuk Seri Najib Razak telah membuat perbandingan maka cuba kita lihat perbandingan harga telur pada tahun 2015 dan 2019 daripada sumber data yang sama.

Tarikh	Gred AA (sen/biji)	Gred A (sen/biji)	Gred B (sen/biji)	Gred C (sen/biji)	Gred D (sen/biji)	Gred E (sen/biji)
7.1.2015	0.42	0.41	0.40	0.39	0.38	0.36
14.1.2015	0.42	0.41	0.40	0.39	0.38	0.36
21.1.2015	0.42	0.41	0.40	0.39	0.38	0.36
28.1.2015	0.42	0.41	0.40	0.39	0.38	0.36
6.2.2015	0.42	0.41	0.40	0.39	0.38	0.36

Tarikh	Gred AA (sen/biji)	Gred A (sen/biji)	Gred B (sen/biji)	Gred C (sen/biji)	Gred D (sen/biji)	Gred E (sen/biji)
12.7.2019	0.34	0.33	0.32	0.31	0.29	0.26
19.7.2019	0.34	0.33	0.32	0.31	0.29	0.26

5. Jika dibandingkan, harga telur pada tahun **2019** adalah **19 hingga 28% lebih murah** berbanding dengan tahun 2015. Apa yang terjadi pada tahun 2015? Mengapa harga telur lebih mahal?
6. Penggunaan maklumat serta data dan membuat perbandingan yang tidak berasas akan mengelirukan pihak umum dan perkara ini harus dielakkan.
7. Bukan semua faktor pengeluaran atau kos input dapat dikawal dengan berkesan kerana ia banyak bergantung pada faktor luaran.
8. Jabatan melalui Kementerian akan terus berusaha untuk memastikan penghasilan telur ayam yang cukup untuk rakyat Malaysia dengan harga yang kompetitif.